

24/03/1997

Pusat latihan aeroangkasa di Sepang

PENDANG, Ahad - Mara mengenal pasti satu kawasan berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang untuk dijadikan pusat latihan aeroangkasa melatih anak tempatan dalam bidang penyelenggaraan dan pengeluaran pesawat.

Pengerusinya, Datuk Othman Abdul, berkata Mara dengan kerjasama syarikat McDonnell Douglas, pengeluar pesawat tentera utama dunia menyediakan pelbagai kursus dalam bidang teknikal penyelenggaraan dan pengeluaran pesawat di pusat latihan itu.

Beliau berkata, pusat latihan itu akan melatih lepasan sekolah yang layak di negara ini dalam bidang penyelenggaraan dan pengeluaran pesawat.

Katanya, untuk permulaan seramai 50 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan dipilih untuk mengikuti kursus berkenaan apabila pusat latihan itu siap kelak.

Othman berkata, pembinaan pusat latihan berkenaan selaras kehendak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan rakyat negara ini menerokai bidang aeroangkasa.

"Saya yakin, Mara bukan saja sekadar berjaya membantu peniaga kecil, tetapi sudah mampu melahirkan tenaga mahir dalam bidang aeroangkasa," katanya selepas merasmikan Sektor Rukun Tetangga Kampung Cina dan Padang Durian, di Sekolah Kebangsaan Padang Durian, dekat sini semalam.

Katanya, pelatih yang mencatat kejayaan cemerlang di pusat latihan itu akan diberi peluang melanjutkan pelajaran dalam bidang berkenaan di Utah State University, Amerika Syarikat.

Othman juga berkata, pembinaan pusat latihan berkenaan akan dilaksanakan sejurus proses pengambilan tanah kawasan terbabit selesai.

Pembinaan pusat latihan aeroangkasa itu sudah mendapat persetujuan McDonnell Douglas.

"Kita berharap pusat latihan aeroangkasa ini dapat melahirkan ramai penduduk negara ini yang berkeupayaan dalam bidang penyelenggaraan dan pengeluaran pesawat terunggul di rantau ini, katanya.

(END)